Pendakwa Raya lwn Miss Narutumon Kumbungkla

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — PERBICARAAN JENAYAH NO BA-45A-119–12 TAHUN 2019
NURULHUDA NUR'AINI H
23 JANUARI 2024

Undang-Undang Jenayah — Dadah berbahaya — Pengedaran — Tertuduh dituduh memperedarkan dadah berbahaya di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 — Sama ada pihak pendakwaan membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh — Sama ada tertuduh mengakas anggapan s 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952

Tertuduh ('OKT') menghadapi pertuduhan mengedar dadah jenis methamphetamine 4,558g di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') yang ditemui hasil pemeriksaan beg yang dilihat mengandungi imej mencurigakan apabila beg tersebut melalui mesin imbasan di KLIA2. Beg tersebut dalam keadaan berkunci dengan mangga dan berbalut plastik wrap, ditolak oleh OKT ke mesin pengimbas tetapi kunci tiada pada OKT. Kes pihak pendakwaan ialah OKT yang berada dalam transit dari Siem Reap, Kemboja untuk ke Manila telah mendaftar masuk beg yang berkunci dengan mangga. Apabila diimbas, beg didapati berisi kandungan yang mencurigakan dan apabila diperiksa dengan membuka zip beg menggunakan pen tanpa mengusik mangga, di bawah lampiran kain didapati mengandungi bungkusan yang dalamnya bersisi dadah. Pembelaan yang dibangkitkan menyentuh isu bahawa beg rampasan yang mengandungi dadah berada dalam keadaan berkunci dan berbalut plastik wrap tetapi kunci tidak berada dengan OKT tetapi dengan seorang rakannya bernama Na yang sedang menunggu di Balai Ketibaan di KLIA2. Oleh itu, OKT tidak mempunyai kawalan dan jagaan ke atas bag mengandungi dadah tersebut serta tiada pengetahuan mengenai kandungannya.

Diputuskan:

(1) Untuk OKT menyatakan tidak dapat membuka beg kerana tidak mempunyai kunci mangga adalah tidak munasabah kerana OKT semestinya akan tahu ia akan membawa risiko pada dirinya sendiri sekiranya berlaku keadaan di mana penumpang dan bagasi diperlukan untuk melalui pemeriksaan dengan meletakkan beg untuk melalui imbasan di laluan Kastam. Keadaan sebenarnya ialah terdapat pakatan untuk kunci mangga tersebut berada dengan rakannya yang telahpun mendahuluinya dan telah keluar dari Balai Ketibaan. Kedua-dua Na dan OKT telah membuat pakatan untuk beg dan kunci mangga dibawa

secara berasingan masing-masing oleh OKT dan Na. Kedudukan OKT yang menerima beg dalam keadaan berkunci tanpa apa-apa cadangan kepada Na untuk bersedia di Balai Ketibaan dengan kunci, jika diarahkan Kastam untuk apa-apa pemeriksaan dibuat pada beg ketika melalui pemeriksaan Kastam menunjukkan OKT cuba menjarakkan dirinya daripada apa-apa pengetahuan tentang akses kepada beg dan kandungan beg. OKT mempunyai kawalan dan jagaan atas beg kerana OKT yang mengambil beg di karousel dan menolak beg ke Balai Ketibaan. Untuk seorang lain mempunyai kunci mangga hanya bermaksud orang ini yang dikatakan bernama Na semestinya turut bersama OKT ketika beg didaftar masuk di lapangan terbang Siem Reap. Siapa yang mempunyai atau memegang kunci beg tersebut tidak relevan pada kes pendakwaan ketika ini kerana OKT perlu menafikan dia pemilik bag dan menyatakan versinya di mana atau siapa pemilik bag atau siapa yang memegang kunci mangga kerana fakta ini khusus dalam pengetahuan OKT. Kegagalan OKT memanggil Na atau membawa anggota Kastam kepada Na yang dikatakan berada di Balai Ketibaan membawa inferens bahawa OKT tidak dapat menafikan OKT mempunyai kawalan dan jagaan atas beg tersebut. Pihak pendakwaan berjaya membuktikan satu kes prima facie dan OKT dipanggil untuk membela diri dengan elemen milikan dan pengetahuan mengguna pakai anggapan di bawah s 37(d) ADB atas penemuan OKT berada dalam kawalan dan jagaan beg mengandungi dadah tersebut maka OKT dianggap memiliki dan mempunyai pengetahuan mengenai dadah tersebut. Bagi elemen pengedaran, OKT didapati mengedar dadah tersebut menurut pemakaian s 2 ADB iaitu 'carrying' dengan niat untuk memindahkan milikan ini kepada pihak lain kerana OKT datang daripada Kemboja dan ditahan di KLIA (lihat perenggan 15–17, 20–22, 24 & 28–29).

(2) OKT telah gagal atas imbangan kebarangkalian untuk mengakas anggapan di bawah s 37(d) ADB. OKT juga telah gagal menimbulkan keraguan yang munasabah atas dapatan pemakaian s 2 ADB dan keseluruhan kes pendakwaan. OKT oleh itu disabitkan dan dihukum penjara seumur hidup 30 tahun (lihat perenggan 43 & 45).

[English summary

The accused ('OKT') was charged with trafficking 4,558g of methamphetamine under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('the DDA') which was found as a result of an inspection of a bag that was found to contain a suspicious image when the bag went through the scanning machine at KLIA2. The bag was locked with a padlock and wrapped in plastic wrap, pushed by the OKT to the scanning machine but the key was not with the OKT. The prosecution's case was that the OKT who was in transit from Siem Reap, Cambodia to Manila checked in a bag that was locked with a padlock.

When scanned, the bag was found to contain suspicious contents and when checked by unzipping the bag using a pen without tampering with the padlock, under the cloth attached it was found to contain a package containing drugs. The defence raised touched on the issue that the seized bag containing the drugs was locked and wrapped in plastic wrap but the key was not with the OKT but with a friend named Na who was waiting at the arrival hall at KLIA2. Therefore, the OKT had no control and custody over the bag containing the drugs and no knowledge of its contents.

Held:

(1) For the OKT to state that she could not open the bag because she did not have the padlock key was unreasonable because the OKT must know that it would bring a risk to herself in the event of a situation where the passengers and luggage were required to go through inspection by placing the bag to go through the scan on the custom's gate. The actual situation was that there was an agreement for the padlock key to be with her friend who had already preceded her and had left the arrival hall. Both Na and the OKT had made an agreement for the bag and padlock key to be carried separately by the OKT and Na respectively. The position of the OKT receiving the bag in a locked state without any suggestion for Na to be ready at the arrival station with a key, if instructed by customs for any inspection to be made on the bag when going through customs inspection showed that the OKT was trying to distance herself from any knowledge of access to the bag and the contents of the bag. The OKT had control and custody of the bag because the OKT took the bag at the carousel and pushed the bag to the arrival hall. For another person to have the padlock key only meant this person who was said to be named Na must had been with the OKT when the bag was checked in at Siem Reap airport. Who had or held the key to the bag was irrelevant to the current prosecution's case because the OKT needed to deny that she was the owner of the bag and state her version of where or who was the owner of the bag or who held the padlock key because this fact was specific to the OKT's knowledge. The OKT's failure to call Na or bring a customs officer to Na who was said to be at the arrival hall led to an inference that the OKT could not deny that the OKT had control and custody of the bag. The prosecution succeeded in proving a prima facie case and the OKT was called to defend herself with the element of possession and knowledge using the presumption under s 37(d) of the DDA upon finding that the OKT was in the control and custody of the bag containing the drugs, then the OKT was presumed to possess and had knowledge of the drugs. As for the element of trafficking, the OKT was found to be trafficking the drugs according to the application of s 2 of the DDA which was 'carrying' with the intention of transferring the possession to another party because the OKT came from Cambodia and

was detained at KLIA (see paras 15–17, 20–22, 24 & 28–29).

(2) The OKT had failed on the balance of probabilities to rebut the presumption under s 37(d) of the DDA. The OKT had also failed to raise reasonable doubt on the findings of application of s 2 of the DDA and the entire prosecution's case. The OKT was therefore convicted and sentenced to 30 years of life imprisonment (see paras 43 & 45).]

Kes-kes yang dirujuk

Ali Hosseinzadeh Bashir v PP [2015] MLJU 2069; [2015] 1 CLJ 918, MR (dirujuk)
Koh Tiong Hock v PP [2011] 4 MLJ 40; [2011] 2 CLJ 37, MR (dirujuk)
Munusamy v PP [1987] 1 MLJ 492; [1987] CLJ Rep 221, MA (dirujuk)
Ong Ah Chuan v PP & another appeal [1981] 1 MLJ 64; [1980] 1 LNS 181, PC (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 2, 37(d), 39B(1)(a), (2)
Akta Keterangan 1950 s 114(g)

Syazlin Mansor (Syazlin Mansor) bagi pihak tertuduh.
Haderiah Siri (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Kastam Diraja Malaysia) bagi pihak pendakwaan.

Nurulhuda Nur'aini H:

PENGENALAN

[1] Tertuduh menghadapi pertuduhan mengedar dadah jenis methamphetamine 4,558g di bawah s 39B(1)(a) yang ditemui hasil pemeriksaan bag coklat jenama 'JEEP' yang dilihat mengandungi imej mencurigakan apabila bag tersebut melalui mesin imbasan di KLIA2. Bag tersebut dalam keadaan berkunci dengan mangga dan berbalut 'plastik wrap', ditolak oleh tertuduh ke mesin pengimbas tetapi kunci tiada pada tertuduh.

[2] Pertuduhan mengedar di bawah s 39B tersebut dikemukakan dan ditanda sebagai P2A dan P2B (versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris) seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 30.05.2019 jam lebih kurang 12.20 tengahari di mesin pengimbas MPA 2, Balai Ketibaan Antarabangsa Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2), di dalam daerah Sepang, di dalam negeri Selangor Darul Ehsan telah mengedar dadah berbahaya jenis methamphetamine berat bersih 4588 gram dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 39B(2) Akta yang sama.

KES PENDAKWAAN DAN ISU DI HADAPAN MAHKAMAH YANG DIBANGKITKAN PEMBELAAN

[3] Kes pihak pendakwaan ialah OKT yang berada dalam transit dari Siem Reap, Cambodia untuk ke Manila, telah mendaftar masuk bag yang berkunci dengan mangga. Apabila diimbas, bag didapati berisi kandungan yang mencurigakan dan apabila diperiksa dengan membuka zip bag menggunakan pen tanpa mengusik mangga, di bawah lampiran kain didapati mengandungi bungkusan yang dalamnya bersisi dadah.

[4] Pembelaan yang dibangkitkan oleh peguambela di dalam soal-balas ke atas saksi-saksi pendakwaan ini menyentuh isu bahawa bag rampasan yang mengandungi dadah berada dalam keadaan berkunci dan berbalut 'plastik wrap' tetapi kunci tidak berada dengan OKT tetapi dengan seorang rakannya bernama 'Na' yang sedang menunggu di Balai Ketibaan di KLIA2. Oleh itu, OKT tidak mempunyai kawalan dan jagaan ke atas bag mengandungi dadah tersebut serta tiada pengetahuan mengenai kandungannya.

[5] Versi pembelaan ini menurut hujah pembelaan disokong oleh video yang menunjukkan OKT selain menyorong bag jenama 'JEEP' ini turut membawa bag sandang milik OKT berwarna hitam dan satu tas tangan. Video juga menunjukkan pergerakan seorang wanita yang mungkin dimaksudkan OKT sebagai rakannya yang memegang kunci tersebut, dipaparkan oleh video menunjukkan dia telah masuk melalui pintu keluar Balai Ketibaan berpakaian hitam dan berada dalam Balai Ketibaan (lihat video P44 minit 12:14:07), berdiri tidak jauh dari pintu keluar Balai Ketibaan melihat ke arah tempat pemeriksaan OKT di hadapannya, dan kemudian meninjau ketika OKT ditahan oleh anggota Kastam.

[6] Selain itu, rakaman video ini juga melihatkan kelakuan OKT yang menunjukkan kepada anggota Kastam telefon bimbit yang sedang dipegangnya. Rakaman seterusnya menunjukkan OKT dalam keadaan sedang berhubung atau berkomunikasi dengan seseorang di telefon bimbitnya.

[7] Berhubung dengan pemeriksaan atas bag jenama 'JEEP' tersebut, setelah bag dibuka dengan menggunakan pen untuk 'memecah' bag tanpa mengusik mangga, SP10 telah mengeluarkan pakaian berupa beberapa helai kemeja t-shirt yang masih baru kerana masih mempunyai tag harga dan berada dalam keadaan bersusun dalam bag tersebut. Setelah pakaian tersebut dialihkan, SP10 mendapati terdapat lapisan di bawah kain bag yang daripada gambar kelihatan bonjolan dan meminta SP9 mengimbas bag tersebut selagi lagi. Setelah diimbas kali keduanya oleh SP9, ia menunjukkan imej yang mencurigakan.

[8] SP9 yang boleh berbahasa Thailand serba sedikit, ditugaskan membantu SP10. Ketika pemeriksaan atas bag OKT dijalankan dengan lebih lanjut oleh SP10 dengan memecahkan lapisan kain ini, menemui satu bungkusan di bawah lapisan kain ini yang disyaki mengandungi dadah. Atas arahan SP10, SP9 telah bersama-sama SP10 membawa OKT ke Bahagian Penguatkuasaan JKDM untuk pemeriksaan lanjut.

[9] Di Bahagian Penguatkuasaan ini, proses pembongkaran lanjut berlaku di hadapan OKT dan gambar juga dirakamkan sepanjang proses ini termasuk senarai bongkar disediakan ke atas barang-barang yang dirampas dari bag warna coklat jenama 'JEEP' dan bag sandang warna hitam serta tas tangan yang dibawa OKT.

[10] Apa yang dapat dilihat atas rampasan yang dibuat ialah dari rampasan bag jenama 'JEEP', terdapat beberapa helai pakaian berada dalam bag tersebut termasuk bungkusan plastik mengandungi bahan disyaki dadah seberat 6.3kg yang kemudiannya disahkan oleh ahli kimia SP6 sebagai dadah jenis methamphetamine seberat 4,558g (lihat: senarai bongkar P31).

[11] Ini adalah kerana bag ini telah didaftar masuk oleh OKT sendiri sebagaimana tag pada bag yang dirampas yang boleh dilihat pada gambar P7(2) dan semakan yang dibuat oleh pegawai penyiasat SP12 dengan syarikat penerbangan AirAsia menunjukkan *boarding pass* dan tag bagasi penerbangan atas nama OKT dan nombor rekod penumpang XZMVQT. Oleh itu, inferen yang boleh dibuat ialah bag tersebut berada dalam kawalan dan jagaan OKT ketika ditahan dan diperiksa di KLIA.

[12] Bag ini juga telah dibalut dengan plastik pembalut dan resit servis balutan bagasi ditemui dalam bag tangan OKT. Daripada gambar dan keterangan lisan SP10, bag didapati dibalut dengan plastik dalam keadaan dikunci dengan mangga (lihat: gambar P56 A-D bag berkunci dengan mangga di zip belah kiri jika dilihat secara hadapan bag). Namun, gambar D61 (A-C) yang ada dalam *handphone* milik OKT menunjukkan seorang lelaki yang memegang bag 'JEEP' ini tetapi tidak dikunci dengan mangga.

[13] Pernyataan beramaran OKT D60 pula yang dikemukakan melalui pegawai penyiasat SP12, menyatakan semasa OKT menerima bag ini dari seorang lelaki (lelaki yang dilihat dalam D61), bag telah berada dalam keadaan berkunci oleh itu ia tidak membolehkan OKT untuk membuka dan memeriksa bag tersebut. D60 menunjukkan OKT biasa menaiki kapal terbang termasuk ke Malaysia kerana telah datang ke Malaysia atau balik dari Malaysia melalui penerbangan khususnya pada Mac 2019.

[14] Meskipun keterangan pegawai penyiasat SP12 sedikit berbeza yang menunjukkan hasil siasatan dengan Imigresen terdapat kemasukan OKT ke Malaysia pada Julai 2018 dan April 2019 (lihat: eksh P49B), D60 menunjukkan kemasukan termasuk secara penerbangan, oleh itu dapatan mahkamah melalui inferen yang dibuat ialah OKT tidak dapat lari daripada mengetahui penumpang beserta bagasi akan melalui pemeriksaan Kastam.

[15] Oleh itu, untuk OKT menyatakan tidak dapat membuka bag kerana tidak mempunyai kunci mangga adalah tidak munasabah kerana OKT semestinya akan tahu ia akan membawa risiko pada dirinya sendiri sekiranya berlaku keadaan seumpama ini di mana penumpang dan bagasi diperlukan untuk melalui pemeriksaan dengan meletakkan bag untuk melalui imbasan di laluan Kastam.

[16] Pada dapatan mahkamah, keadaan sebenarnya ialah terdapat pakatan untuk kunci mangga tersebut berada dengan rakannya yang telahpun mendahuluinya dan telah keluar dari Balai Ketibaan. Keadaan ini hanya boleh berlaku kerana D60 menyatakan 'Na' ini berada bersama OKT di Siem Reap. Oleh itu, kunci mangga itu hanya boleh diserahkan kepada 'Na' sekiranya OKT dan 'Na' ada bersama ketika bag 'JEEP' tersebut dikunci. Gambar D61 tidak menunjukkan bag 'JEEP' ini berkunci, ini bermakna ia hanya dikunci kemudian kerana gambar bag ini di KLIA menunjukkan ia berkunci.

[17] Oleh itu, kunci ini hanya dapat diserahkan kepada 'Na' setelah dikunci dan pada ketika ini, berdasarkan fakta yang ada kejadian bag dikunci hanya boleh disimpulkan berlaku di KLIA. Dapatan mahkamah ialah kedua-dua 'Na' dan OKT telah membuat pakatan untuk bag dan kunci mangga dibawa secara berasingan masing-masing oleh OKT dan 'Na'.

[18] Ini adalah kerana OKT di dalam D60 menyatakan berada di lapangan terbang Siem Reap, Cambodia bersama rakannya bernama 'Na' dan dapatan mahkamah, 'Na' adalah wanita yang dilihat berada di Balai Ketibaan memerhatikan dari jauh OKT ditahan oleh Kastam. Berdasarkan keterangan oleh SP12, tiada butir-butir panggilan keluar atau masuk melalui panggilan talian dari atau kepada 'Na' yang timbul hasil pemeriksaan forensik atas telefon bimbit yang dirampas daripada OKT. Ini berbangkit hasil daripada siasatan pegawai penyiasat SP12 berdasarkan rakaman pernyataan beramaran pada 2 Jun 2019 menerusi pemeriksaan forensik yang dibuat pada 25 Oktober 2019.

[19] Selain pemeriksaan forensik, SP12 dalam pemeriksaan balas sendiri telah mengemukakan telefon bimbit ini kepada OKT untuk ditunjukkan butiran 'Na' dan nombor 'Na' yang didaftarkan dalam telefon bimbit OKT

tetapi gagal. Keterangan SP5 pakar forensik juga menyatakan analisa melalui perkakasan XYR yang diterima pakai dalam analisa forensik untuk panggilan secara *Whatsapp* atau *FB* juga tidak mendapat apa-apa penemuan.

[20] Oleh itu, kedudukan OKT yang menerima bag dalam keadaan berkunci tanpa apa-apa cadangan kepada 'Na' untuk bersedia di Balai Ketibaan dengan kunci, jika diarahkan Kastam untuk apa-apa pemeriksaan dibuat pada bag ketika melalui pemeriksaan Kastam menunjukkan OKT cuba menjarakkan dirinya daripada apa-apa pengetahuan tentang akses kepada bag dan kandungan bag.

[21] Oleh itu, dapatan mahkamah ini bag ini pada asalnya dalam keadaan tidak berkunci namun OKT yang membawa bag ini untuk dibalut lapisan plastik sebelum ia dibawa untuk daftar masuk bag (*check-in*) dan ketika ini, berada dalam keadaan berkunci dengan mangga, meskipun kunci mangga tidak ditemui padanya. Ini menunjukkan OKT mempunyai kawalan dan jagaan atas bag ini kerana OKT juga yang mengambil bag ini di karousel dan menolak bag ini ke Balai Ketibaan.

[22] Pada dapatan mahkamah, untuk seorang lain mempunyai kunci mangga ini hanya bermaksud orang ini yang dikatakan bernama 'Na' semestinya turut bersama OKT ketika bag 'JEEP' ini didaftar masuk di lapangan terbang 'Siem Reap'. Siapa yang mempunyai atau memegang kunci bag tersebut tidak relevan pada kes pendakwaan ketika ini kerana OKT perlu menafikan dia pemilik bag dan menyatakan versinya di mana atau siapa pemilik bag atau siapa yang memegang kunci mangga kerana fakta ini khusus dalam pengetahuan OKT.

[23] Jika OKT menafikan milikan atas bag, maka OKT perlu menunjukkan dia ada bertanyakan kandungan bag tersebut untuk menafikan pengetahuan atas kandungan bag. Jikapun dengan bersandarkan D60, kunci mangga berada dengan 'Na', OKT dan 'Na' masing-masing boleh memanggil antara satu sama lain untuk membantu membuka kunci mangga tersebut kerana OKT membawa bag tersebut untuk diserahkan kepada 'Daddy' iaitu teman lelaki 'Na'.

[24] Kegagalan OKT memanggil 'Na' yang menurut D60 berada bersama dengan OKT di Siem Reap, atau membawa anggota Kastam kepada 'Na' yang dikatakan berada di Balai Ketibaan membawa inferens bahawa OKT tidak dapat menafikan dia ('OKT') mempunyai kawalan dan jagaan atas bag jenama 'JEEP' ini. Lebih-lebih lagi video CCTV P44 menunjukkan 'Na' ini muncul pada waktu dan ketika OKT ditahan untuk pemeriksaan lanjut.

[25] Jikapun mahkamah ini silap kerana OKT dikatakan telah cuba menceritakan versinya kepada SP9 dan SP10 tetapi oleh kerana terbatas atas masalah bahasa, ditambah dengan *handphone* milik OKT yang dirampas menunjukkan gambar-gambar OKT bersama seorang lelaki identiti tidak dikenali (kerana tidak dinamakan dalam D60) bersama bag 'JEEP' ini, tetapi versi sebenar atau pembelaan OKT hanya dapat diperjelaskan dengan OKT memberi keterangan (lihat: *Ali Hosseinzadeh Bashir v Public Prosecutor* [2015] MLJU 2069; [2015] 1 CLJ 918 (MR)).

[26] Pembelaan juga mencadangkan jika OKT mengetahui kandungan bag, OKT boleh melarikan diri melalui pintu keluar Balai Ketibaan kerana tidak berada dalam kawalan mana-mana anggota Kastam tetapi ia tidak berlaku dan ini menunjukkan OKT tiada pengetahuan mengenai bungkusan dadah dalam bag tersebut.

[27] Mahkamah ini berpendapat jika OKT cuba bertindak demikian dan berjaya ditangkap, ia akan lebih memudaratkan OKT kerana anggota Kastam ramai dan kedudukan mereka berselerak. Oleh itu, fakta bahawa OKT tidak cuba melarikan diri adalah satu fakta neutral yang tidak boleh membawa apa-apa inferens kerana fakta asas untuk apa-apa inferen dibuat berpihak kepada kedua-dua pihak pembelaan dan juga pendakwaan.

[28] Atas keseluruhan dapatan ini, mahkamah memutuskan pihak pendakwaan berjaya membuktikan satu kes prima facie dan memanggil OKT membela diri dengan elemen milikan dan pengetahuan mengguna pakai anggapan di bawah s 37(d) atas penemuan OKT berada dalam kawalan dan jagaan bag mengandungi dadah tersebut oleh itu OKT dianggap memiliki dan mempunyai pengetahuan mengenai dadah tersebut.

[29] Bagi elemen pengedaran, OKT didapati mengedar dadah tersebut menurut pemakaian s 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 iaitu 'carrying' dengan niat untuk memindahkan milikan ini kepada pihak lain kerana OKT datang daripada Cambodia dan ditahan di KLIA (lihat: *Koh Tiong Hock v Public Prosecutor* [2011] 2 CLJ 37 (MR) dirujuk dalam *Ong Ah Chuan v Public Prosecutor & Another Appeal* [1980] 1 LNS 181(PC)).

KES PEMBELAAN

[30] OKT memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah. Menurut versi OKT, dia mengenali 'Na' dan 'Daddy' iaitu teman lelaki 'Na' kerana OKT bekerja untuk 'Na' dengan memberi perkhidmatan pelacur. Pada hari tangkapan, OKT sepatutnya berada dalam penerbangan bersama 'Na' dari Laos, Siem Reap, Cambodia dan transit di KLIA untuk ke Manila, bercuti. Penerbangan OKT ini ditanggung oleh 'Daddy' sebagai hadiah.

[31] 'Na' walau bagaimanapun tidak dapat bersama OKT dalam penerbangan ini kerana 'Na' telah ditempah perkhidmatan pelacurannya oleh VIP dan disebabkan *booking* hotel telah dibuat, maka OKT meneruskan percutiannya dahulu. OKT telah menaiki penerbangan ke Laos dan berada di Hotel Lau Silk dari 23 Mei 2019 hingga 27 Mei 2019 sebelum memasuki hotel di Siem Reap pada 27 Mei 2019.

[32] Pada 25 Mei 2019 semasa di Lao Silk Hotel, OKT telah mendapat pesanan *Whatsapp* dari 'Daddy' meminta OKT mendapatkan beg untuknya ('Daddy') yang akan diserahkan oleh seorang lelaki untuk dibawa ke Filipina. Ini adalah kali pertama OKT melihat nombor telefon 'Daddy'. Butir-butir lelaki ini pula disampaikan oleh 'Na' kepada OKT melalui *FB snapshot* dengan *FB* profil lelaki ini sebagai 'Lithsv' (lihat: gambar eksh D63). Menurut 'Daddy', lelaki ini juga ingin melanggan perkhidmatan OKT.

[33] OKT telah bertemu 'Lithsv' di satu kawasan pasar malam dan menerima bag 'JEEP' dan mengambil gambar D61 (A-C) untuk ditunjukkan kepada 'Daddy'. Pesanan *Whatsapp* 'Daddy' ini yang didaftarkan namanya sebagai 'Boss' pada telefon OKT, dikemukakan sebagai D62 (A-B). Melalui pemerhatian mahkamah, D62 (A-B) menunjukkan apa yang dikatakan kawasan pasar malam tetapi apabila teks pesanan oleh 'Boss' meminta untuk OKT kemukakan gambar bag yang ada, gambar yang dikemukakan bukan bag 'JEEP' tetapi bag *knapsack* hitam milik OKT. Menurut OKT, ketika itu dia masih belum berjumpa dengan 'Lithsv' sebab itu gambar yang dihantarnya ialah gambar *knapsack* OKT.

[34] Di pasar malam ini, 'Lithsv' telah membawa bag 'JEEP' ini yang dilihat OKT dalam keadaan berkunci mangga dan di *lock* bag. 'Lithsv' telah membuka bag 'JEEP' ini dan didapati ada pakaian wanita baru untuk dihantar ke 'Daddy' bagi tujuan 'business Daddy'. Mereka berdua kemudian menaiki beca seperti dalam gambar D79 menuju ke hotel Siem Reap. Melalui pemeriksaan peguam OKT, OKT telah ditanya kenapa bag di gambar P61 tiada mangga dan bag di gambar P58 bermangga. OKT menjawab setelah beg dibuka dan ditutup oleh 'Lithsv', OKT terus mengambil gambar. Bag ini tidak lagi dibuka ketika di hotel di Siem Reap.

[35] Keterangan OKT seterusnya ialah dia juga diminta 'Daddy' membeli dua tiket bas untuk ke Hotel Boutique, Siem Reap. Apa yang tidak jelas ialah OKT menyatakan menaiki beca seperti di gambar D79 untuk ke hotel Siem Reap tapi pada masa yang sama dikatakan diarahkan 'Daddy' membeli tiket bas ke Hotel Boutique Siem Reap.

[36] Pada 30 Mei 2019 OKT telah menerima teks pesanan daripada 'Na' bahawa dia telah membelikan tiket penerbangan untuk OKT ke Filipina dari

Siem Reap. OKT dan 'Lithsv' kemudian ke lapangan terbang untuk OKT menaiki penerbangan ke Filipina. Pada waktu itu, OKT juga telah menerima teks daripada 'Na' menyatakan dia akan menaiki penerbangan ke Filipina yang sama dengan OKT di KLIA.

[37] Di lapangan terbang, OKT dan 'Lithsv' telah ke kaunter membalut bagasi dan OKT telah membayar untuk bag 'JEEP' ini dibalut. Menurut OKT, dia menurut amalan yang dibuat oleh 'Na' dan 'Daddy' yang selalu membalut bag mereka kerana ditakuti rosak. OKT kemudian telah daftar masuk bag 'JEEP' ini dan menaiki penerbangan.

[38] Setibanya OKT di KLIA, dia telah menerima pesanan daripada 'Na' menyatakan dia berada di Balai Pelepasan KLIA. Setelah bag 'JEEP' diambil dan tiba di mesin pengimbas, OKT telah diminta oleh anggota Kastam 'open bag' untuk membuka bag. Menurut OKT, dia memahami sedikit Bahasa Inggeris dan telah beritahu bag ini bukan bagnya kerana 'Na' dan 'Daddy' membalut bag sebelum menaiki penerbangan. Anggota Kastam seterusnya meminta *password* untuk *lock* dan untuk buka mangga. OKT telah beritahu mereka dia tidak mempunyai kunci dan kunci mungkin dengan 'Na' yang menunggu di Balai Pelepasan.

[39] OKT telah memanggil 'Na' meminta datang ke mesin pengimbas untuk membuka bag tetapi anggota Kastam tidak memahami percakapan OKT. Anggota Kastam kemudian telah membuka bag 'JEEP' tersebut dengan alat dan selepas mengalihkan pakaian yang ada di dalamnya, telah menemui bungkusan berisi ketulan dan diberitahu oleh anggota Kastam yang boleh berbahasa Thai bahawa ketulan itu adalah dadah. OKT kemudiannya ditangkap.

[40] OKT juga menerima panggilan daripada 'Daddy' ketika itu tetapi oleh kerana 'Daddy' berbahasa Inggeris, OKT tidak memahaminya. OKT telah memaklumkan kepada Kastam panggilan yang diterima daripada 'Daddy' dan 'Na' kerana OKT juga turut menghubungi mereka tetapi tidak diendahkan oleh anggota Kastam. Semasa rakaman percakapan D60, OKT juga telah memberikan butiran 'Daddy' dan 'Na' walau bagaimanapun telefon bimbit OKT tidak pernah diserahkan kepada OKT untuk tujuan pengesahan apa terkandung dalam percakapannya.

[41] Menurut OKT, dia gemar mengambil gambar *snapshot* dan menjadi kebiasaan untuknya khususnya untuk keselamatan kerana pernah dicederakan oleh 'pelanggan' sebelum ini. Malahan, OKT turut mengambil gambar tiket bas ke Siem Reap, gambar bas yang dinaiki ke Siem Reap, gambar OKT dengan 'Lithsv' beserta bag, *snapshot* teks mesej dengan 'Daddy', *FB chat* dengan 'Na', gambar-gambar OKT bersama 'Lithsv', gambar beca termasuk

gambar kuil tempat OKT berkunjung ketika bercuti.

DAPATAN MAHKAMAH

[42] Mahkamah mendapati terdapat isu-isu penting yang berbangkit daripada kes pendakwaan yang perlu diperjelaskan oleh OKT di dalam pembelaannya dengan mengambil kira anggapan di bawah s 37(d) telah diguna pakai dan perlu dijelaskan semasa pembelaan dipanggil iaitu:

(a) keterangan OKT untuk menunjukkan siapa yang meletakkan mangga pada bag 'JEEP' tersebut dan menguncinya;

(b) keterangan sokongan dalam bentuk gambar yang agak 'selective' kerana tidak menunjukkan OKT mengambil gambar bag semasa dibuka oleh 'Lithsv' di pasar malam sedangkan perbuatan 'Lithsv' ini adalah satu perbuatan sukarela dan penting kerana:

(i) OKT telah mempunyai pengalaman menaiki penerbangan dan sepatutnya tahu prosedur pemeriksaan Kastam di KLIA yang menimbulkan keperluan untuk mempunyai kunci bag tersebut;

(ii) jikapun mangga bag dikunci oleh 'Lithsv' setelah dibuka dan ditunjukkan pada OKT di pasar malam, bagaimana kunci mangga ini boleh berada dengan 'Na'; dan

(iii) kenapa 'Lithsv' perlu menunjukkan kandungan bag pada OKT di pasar malam sedangkan 'Lithsv' bersama mengikuti OKT ke hotel dan kemudian ke lapangan terbang.

(c) bag yang dilihat hanya mengandungi pakaian wanita tetapi dengan berat berlebihan sebanyak 6kg (berat bungkusan dadah) namun tidak dicadangkan semasa kes pendakwaan bahawa 'Lithsv' turut berada bersama OKT sepanjang masa di hotel dan di lapangan terbang Siem Reap untuk menafikan cadangan pendakwaan OKT sepatutnya berasa syak atas berat yang agak melampau ini kerana bag dikendalikan oleh 'Lithsv';

(d) versi OKT yang selektif dalam memahami bahasa pertuturan anggota Kastam ada kala memahami Bahasa Inggeris dan adakala tidak dan apa bahasa yang dipertuturkan OKT ketika disoal Kastam sedangkan OKT memahami P15R 'travel itinerary' di dalam Bahasa Inggeris; dan

(e) kenapa timbul keperluan untuk mengambil gambar bag ini di setiap peringkat sedangkan bag ini dikatakan hanya mengandungi pakaian wanita dan bag ini bukanlah suatu bag berjenama, unik, istimewa atau luar biasa.

[43] Berdasarkan kepada pemerhatian dan dapatan mahkamah berkait dengan kegagalan OKT untuk menjelaskan isu-isu di atas, mahkamah ini berpendapat bahawa OKT telah gagal atas imbangan kebarangkalian untuk mengakas anggapan di bawah s 37(d) tersebut. Ini juga bermakna OKT telah gagal menimbulkan keraguan yang munasabah atas dapatan pemakaian s 2 dan keseluruhan kes pendakwaan. OKT dengan ini didapati sabit dan salah.

[44] Berhubung ketiadaan saksi Mohammad Zyed, dia bukanlah saksi yang material yang boleh mengakibatkan keraguan timbul kerana pendakwaan telah gagal mengemukakannya. Tugas pihak pendakwaan hanyalah sekadar menawarkan saksi ini dan ini telahpun dilakukan. Pihak pendakwaan tidak boleh dipersalahkan atas perbuatan saksi ini melarikan diri dari tugas dan anggapan s 114(g) juga sewajarnya tidak berbangkit (lihat: eksh D82 yang menyokong dapatan ini dan *Munusamy v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 492; [1987] CLJ Rep 221).

[45] Atas alasan-alasan ini dan sabitan yang diputuskan, mahkamah telah menjemput kedua-dua pihak untuk berhujah atas hukuman. Setelah mendengar hujahan kedua-dua pihak di mana pihak pendakwaan berhujah atas berat dadah yang terlibat yang besar mewajarkan hukuman gantung manakala pihak pembelaan menyerahkan pada budi bicara mahkamah, mahkamah menjatuhkan hukuman penjara seumur hidup 30 tahun. Tiada sebatan dikenakan kerana OKT seorang wanita.

Perintah sewajarnya.

Dilaporkan oleh Ahmad Ismail